

04/03/2004

Pelajar asing diingat tidak salah guna ilmu

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar asing yang belajar di negara ini tidak menyalahgunakan ilmu yang mereka peroleh sehingga mengancam dan memusnahkan dunia.

Bekas Perdana Menteri itu, berkata ilmu yang mereka peroleh ketika belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) sewajarnya digunakan untuk kebaikan dan membina tamadun dunia.

Beliau berkata, ada pihak yang menyalahgunakan ilmu untuk membina senjata pemusnah yang hanya bertujuan membunuh manusia dalam peperangan.

"Memang ada perbezaan antara negara atau bangsa lain di dunia tetapi ia sepatutnya di selesaikan melalui meja rundingan dan bukan melalui peperangan," katanya pada Majlis Makan Malam Duta 2004 anjuran Persatuan Pelajar Antarabangsa (ISS) Universiti Multimedia (UMM) di Hotel JW Marriot, di sini malam tadi.

Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden UMM, Dr Ghauth Jasmon dan Pengarah ISS, Yaser Assaran.

Lebih 400 pelajar daripada kira-kira 900 pelajar asing yang belajar di UMM menghadiri majlis makan malam itu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu pelajar asing yang belajar di negara ini sentiasa menjadikan kehidupan harmoni dan keamanan sebagai teras kehidupan.